

27/10/2003

AS jadikan PM Australia boneka: Hishammuddin

Junita Mat Rasid

MUAR: Perisytiharan Amerika Syarikat (AS) bahawa Australia mempunyai tanggungjawab khas menjaga keselamatan di Asia Pasifik termasuk rantau ini dan bertindak seperti sheriff menunjukkan negara itu di bawah jajahan AS.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata AS menjadikan Perdana Menteri Australia, John Howard seperti boneka yang hanya mengikut telunjuk dan arahan Presiden AS, George W Bush.

Katanya, tindakan Bush itu mempunyai agenda tertentu terhadap negara lain di dunia termasuk di rantau Asia Tenggara dengan menjadikan Australia untuk memenuhi arahannya.

"Siapa bagi hak kepada AS melantik Howard untuk melaksanakan tugas sebagai sheriff bagi memantau keadaan negara lain? AS dan Australia tidak mempunyai hak untuk campur tangan dalam urusan berkaitan negara lain yang berdaulat.

"Tindakan AS itu menunjukkan mereka tidak mempedulikan kedaulatan dan kedudukan negara lain," katanya.

Beliau mengulas ucapan Bush kepada Ahli Parlimen di Parlimen Australia, kelmarin.

Perisytiharan itu dikeluarkan selepas Bush menyifatkan Canberra sebagai sheriff di rantau Asia Pasifik dan Asia Tenggara yang dikatakan peneraju utama perang ke atas keganasan di rantau ini selepas peristiwa 11 September 2001.

Terdahulu Hishammuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan merasmikan Mesyuarat Agung Dwitahunan ke-25 dan pelancaran laman web Majlis Belia Negeri Johor (MBNJ) di sini, semalam.

Turut hadir Timbalan Menteri Kerja Raya yang juga Presiden Majlis Belia Negeri Johor, Datuk Mohamed Khaled Nordin dan Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan dan Guna Tenaga, Belia, Sukan dan Kebudayaan Negeri Johor, Ahmad Zahari Jamil.

Hishammuddin berharap semua pemimpin lain terutamanya di negara Asean menjadikan senario yang diwujudkan AS itu sebagai satu pengajaran bagi memastikan persefahaman dan perpaduan rakyat di kalangan negara di rantau ini terus kukuh.

"Tindakan AS mempunyai agen-da tertentu seperti juga pencerobohnya di Iraq apabila mereka tidak membincangkannya terlebih dulu dengan negara lain sebelum membuat keputusan menyerang negara berkenaan.

"Mereka adalah negara rakus yang tidak hirau pandangan kita seperti apa yang berlaku di Afghanistan. Sebelum ini mereka berjanji melakukan

banyak  
perkara di negara itu tetapi sampai sekarang kita tidak nampak  
hasilnya,"  
katanya.

Selain itu, katanya, terserah kepada orang ramai untuk mempercayai  
pembohongan Bush mengenai kenyataannya bahawa beliau memberitahu telah  
mengkritik Perdana Menteri, Datuk Seri Mahathir pada sidang Kemuncak  
Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di Bangkok, minggu lalu.

Katanya, kenyataan Bush itu tidak mengejutkan kerana sebelum ini  
beliau  
boleh berbohong mengenai fakta di Afghanistan, Iraq dan Palestin.

"Apa yang penting, saya dan tentunya rakyat negara ini lebih  
mempercayai  
Dr Mahathir. Terserah kepada orang ramai untuk mempercayainya satu lagi  
pembohongan Bush," katanya.